

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL  
HADI BIN AWANG [MARANG]**

**TARIKH : 7 MAC 2017**

**SOALAN :**

**YB Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang [Marang] minta PERDANA  
MENTERI menyatakan sejauh mana Kerajaan memberi kebebasan kepada  
Jabatan Peguam Negara untuk mensabitkan pendakwaan dalam isu rasuah  
berprofil tinggi dan berapakah jumlah pensabitan yang telah dilakukan oleh  
Jabatan Peguam Negara dalam kes ini.**

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Menurut Perkara 145 Perlembagaan Persekutuan, Peguam Negara hendaklah mempunyai kuasa yang boleh dijalankan menurut budi bicaranya untuk memulakan, menjalankan, atau memberhentikan apa-apa prosiding bagi sesuatu kesalahan.

Subseksyen 376(1) Kanun Tatacara Jenayah seterusnya memperuntukkan bahawa kuasa kawalan dan arahan dalam semua pendakwaan jenayah dan prosiding di bawah Kanun Tatacara Jenayah adalah diberikan kepada Peguam Negara selaku Pendakwa Raya. Mahkamah Persekutuan dalam kes Long bin Samat & Yang Lain lwn Pendakwa Raya [1974] 2 MLJ 152 telah memutuskan bahawa memandangkan Perlembagaan Persekutuan memberikan kuasa budi bicara yang luas dan mutlak kepada Peguam Negara, kuasa budi bicara tersebut tidak boleh dipersoalkan oleh mana-mana pihak.

Berdasarkan peruntukan-peruntukan dan nas undang-undang tersebut, kuasa Peguam Negara untuk memulakan, menjalankan, atau memberhentikan apa-apa prosiding bagi sesuatu kesalahan tidak tertakluk kepada keputusan Kerajaan. Selain itu, kuasa untuk mensabitkan tertuduh atas sesuatu kesalahan adalah di bawah bidang kuasa mahkamah.

Terdapat dua puluh sembilan kes rasuah berprofil tinggi dan berkepentingan awam yang telah disabitkan oleh mahkamah dari tahun 2014 hingga 2016.

Sekian, terima kasih.